

## APAKAH HUKUMAN BAGI KESALAHAN RASUAH?

Secara umumnya, hukuman bagi kesalahan rasuah ialah dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan didenda tidak kurang dari lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang Lebih tinggi

## JENIS-JENIS PERLINDUNGAN

- Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah.  
(Sekyen 7(1)(a) Akta APPM 2010);
- Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah /tatatertib akibat daripada pendedahan tersebut.  
(Sekyen 7(1)(b) Akta APPM 2010);
- Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang telah dibuat.(Sekyen 7(1)(c) Akta APPM 2010);
- Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/ hubungan dengan pemberi maklumat.  
(Sekyen 7(3) Akta APPM 2010)



# R A S U A H





## AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 ( AKTA 711)

Merupakan satu akta untuk menggalakkan pendedahan maklumat mengenai sebarang jenayah rasuah atau salah laku lain.





Akta ini akan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada sebarang tindakan memudaratkan akibat daripada pendedahan yang telah dibuat.


## MAKSUD RASUAH

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.




Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun

Berdasarkan SPRM 2009 (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:

-  Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) ASPRM 2009]
-  Memberi suapan [seksyen 17(b) ASPRM 2009]
-  Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 ASPRM 2009]
-  Salah guna kuasa [Seksyen 23 ASPRM 2009]



## SYARAT-SYARAT PERLINDUNGAN:

-  Pemberi maklumat bersedia untuk dikenali oleh SPRM
-  Pemberi maklumat hadir sendiri dan berjumpa dengan pegawai SPRM sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat
-  Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat melalui surat/emel/panggilan telefon/khidmat pesanan ringkas, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana beliau boleh dihubungi

